

**Dasar fiskal rangsang ekonomi tempatan**  
**Utusan Online**  
**22 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR 21 Mac – Dasar fiskal pada tahun ini menjurus ke arah merangsang aktiviti ekonomi dalam negeri dan memberi sokongan kepada pelan transformasi ekonomi.

Cabaran utama yang dihadapi adalah untuk terus memberi sokongan kepada permintaan dalam negeri ketika sektor luaran yang semakin lemah di samping memastikan kedudukan fiskal kekal mampan.

Kerajaan telah menggiatkan aktiviti pelaburan dengan memperkenalkan beberapa inisiatif antaranya adalah meningkatkan perkongsian awam dan swasta (PPP) bagi melaksanakan pembangunan projek menerusi pembiayaan swasta.

Bagi tujuan tersebut sebanyak RM2.5 bilion diperuntukkan dalam Belanjawan 2012 di bawah Dana Mudah Cara PPP bagi membantu sektor swasta memulakan projek pemangkin.

Inisiatif kedua adalah pengenalan pelbagai insentif cukai bagi memudahkan projek yang boleh memberi impak tinggi seperti Daerah Kewangan Antarabangsa Kuala Lumpur, Iskandar Malaysia dan koridor serantau.

Selain itu, kerajaan turut memperkenalkan dasar liberalisasi ekonomi ke atas 17 sub sektor perkhidmatan yang membenarkan pemilikan asing sehingga 100 peratus.

Inisiatif tersebut dijangka meningkatkan daya saing sektor perkhidmatan dalam negeri yang telah dikenali sebagai salah satu pemacu utama pertumbuhan ekonomi.

Belanjawan 2012 juga turut memberi penekanan terhadap dua bidang kritikal dalam usaha mencapai negara berpendapatan tinggi iaitu pembangunan modal insan dan kawasan luar bandar.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0322&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek\\_02.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0322&pub=Utusan_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek_02.htm)